

PUNAI JAMBU
Jambu Fruit Dove

FAMILI: Columbidae
NAMA SAINTIFIK: *Ptilinopus jambu*



CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna kehijauan manakala bahagian muka berwarna merah tua. Individu ini mempunyai jalur di sekeliling bahagian mata dan bahagian bawah badan yang berwarna putih. Bahagian hadapan tengkuk dan atas dada pula berwarna merah jambu. Ia juga mempunyai bahagian paruh yang berwarna kuning keperangan serta bahagian bawah pangkal ekor yang berwarna kuning langsung. Individu betina dewasa bagi spesies ini mempunyai bulu yang berwarna hijau manakala bahagian muka berwarna ungu kehijauan. Jalur pada bahagian mata berwarna putih serta terdapat jalur berwarna merah hati pada bahagian rengkong. Bahagian bawah tongkeng adalah pudar manakala bahagian bawah ekor pula berwarna kuning pucat. Bagi individu juvenil pula, ia menyerupai individu betina dewasa tetapi bahagian muka berwarna coklat dan bahagian tengah rengkong berwarna putih. Bulu pada bahagian hujung beberapa bahagian pada sayap dan atas badan berwarna coklat cerah. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 26.5-27.0 sm.

MAKANAN

Spesies ini memakan serangga-serangga dan buah-buahan yang bersaiz kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan adakalanya dijumpai di kawasan hutan paya bakau, pada ketinggian sehingga ke 1,280 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang lembut *hoo* yang berulang-ulang selepas berhenti sekejap. Biasanya burung ini selalu mendiamkan diri.

PEMBIAKAN

Spesies ini membiak pada bulan Mei hingga September di mana sarang dibina di atas pokok pada ketinggian di antara 2.7-5.0 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1 biji berwarna putih.

STATUS:

Akta 76/72, dipelihara.
IUCN, hampir pupus.